

12/03/1997

Langkah bersepadu perangi gejala sosial

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar beriltizam mengambil langkah bersepadu memerangi penyakit sosial selaras dengan permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyatakan tindakan Dr Mahathir menyampaikan taklimat kepada semua pemimpin Barisan Nasional (BN) tepat pada masanya, mereka berjanji akan mengambil langkah perlu bersesuaian dengan kuasa yang ada.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Hamid Othman, berkata pendidikan agama akan diperkukuh dari segi pendekatan untuk memperkuat ketahanan diri setiap individu.

"Taklimat ini sangat berguna kerana ia memberi pendedahan menyeluruh kepada semua pemimpin BN dan membolehkan kita mengambil langkah bersama untuk memerangi penyakit sosial hingga ke akar umbi.

"Kita akan cuba mengajak kerajaan negeri untuk mengamalkan sistem pendidikan agama yang dikenal pasti dapat memperkuat ketahanan diri setiap individu muslim," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mendengar taklimat oleh Perdana Menteri mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) dan penyakit sosial kepada semua pemimpin Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar, berkata kementerian bersedia bekerjasama dengan kementerian lain termasuk Kementerian Belia dan Sukan.

"Jika kementerian belia mahu mewajibkan Program Khidmat Sosial Negara atau kerahan tenaga, Kementerian Pertahanan bersedia memberikan peralatan dan jurulatih.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, berkata penyakit sosial di Sabah masih belum di tahap serius, bagaimanapun langkah mencegahnya akan terus dijalankan.

(END)